

PROGRAM KUKUM BERSAMA GURU KAUNSELING SEKOLAH MENENGAH PERLIS & PULAU PINANG

Dalam rangka rancangan mempromosikan KUKUM kepada masyarakat umum di seluruh negara, jawatankuasa promosi kukum bercadang untuk memfokuskan aktiviti promosi kepada golongan sasaran yang lebih meluas selain daripada pelajar-pelajar kolej matrikulasi dan lepasan diploma.

Bermula pertengahan tahun 2004, jawatan kuasa promosi KUKUM mula merancang untuk menyampaikan maklumat mengenai KUKUM ke sekolah-sekolah menengah di seluruh negara, dan golongan yang di rasakan paling hampir kepada pelajar-pelajar berkenaan adalah guru bimbingan kaunseling & kerjaya.

Justeru itu, jawatan kuasa promosi KUKUM telah membuat perancangan untuk menganjurkan Program KUKUM bersama Guru Kaunseling Sekolah Menengah di setiap negeri dan dimulakan di negeri Perlis. Jawatan kuasa promosi KUKUM dengan kerjasama Unit Bimbingan Kaunseling, Jabatan Pendidikan Negeri Perlis telah menganjurkan program tersebut pada 21 September 2004 yang lalu bertempat di Kompleks Pusat Kejuruteraan KUKUM, Kuala Perlis.

Sebanyak 30 orang guru dari 18 buah sekolah dari seluruh negeri Perlis hadir pada program yang telah di rasmikan oleh Prof. Madya Zaliman Sauli, Dekan Pusat Kemahiran Komunikasi & Keusahawanan bagi pihak Dato' Rektor. Pelbagai aktiviti telah disusun untuk para peserta program,

antaranya ialah ceramah pengenalan KUKUM, lawatan ke bengkel serta makmal, forum diskusi dan sesi-soal jawab. Selain itu, peserta juga dipertontonkan dengan Video Korporat dan Video 'Walk Through' Kampus Tetap KUKUM. Penceramah-penceramah yang terlibat pada program itu ialah Prof. Madya Dr. Uda Hashim, En. Yufriid Wahab, En. Zol Bahri Razali, Tn. Hj. Huzili Hussin dan Prof. Madya Zaliman Sauli.

Dalam sesi soal jawab di akhir program, peserta dilihat sangat aktif bertanyakan pelbagai soalan mengenai KUKUM. Maklum balas spontan yang diperolehi dari para peserta ialah, mereka sangat kagum dengan kemudahan pengajaran dan pembelajaran serta pembangunan yang telah KUKUM bangunkan. Perasmian penutupan telah disempurnakan oleh Y. Bhg. Dato' Rektor.

Selepas mengadakan program bersama guru kaunseling negeri Perlis, jawatan kuasa promosi KUKUM terus membuat perancangan untuk menyambung program tersebut ke negeri Kedah pula. Namun, arahan yang diterima dari Bahagian Bimbingan Kaunseling, Jabatan Pelajaran Kedah agar program ini di bawa ke tahun hadapan kerana beberapa sebab yang tidak dapat dielakkan.

Seterusnya, kira-kira sebulan selepas program di Perlis, jawatan kuasa promosi KUKUM sekali lagi menganjurkan program tersebut dan kali ini di Negeri Pulau Pinang. Program KUKUM bersama Guru Kaunseling Sekolah Menengah Pulau

Pinang telah diadakan di Auditorium, Kompleks Yayasan Budi Penyayang Kepala Batas, Pulau Pinang pada 19 Oktober 2004 yang lalu.

Sambutan yang diterima sangat mengalakkan iaitu seramai 100 orang guru dari 105 buah sekolah menengah di seluruh Pulau Pinang telah hadir sebagai peserta malah ada sekolah yang menghantar lebih dari seorang peserta. Kebanyakan dari peserta tidak mengetahui KUKUM secara menyeluruh dan mereka berpendapat program ini sangat baik serta bermanfaat.

Perbentangan ceramah pengenalan KUKUM telah disampaikan oleh En. Zol Bahri Razali, Dekan PPK Mekatronik. Selain itu, peserta juga dipersembahkan dengan tayangan Video Korporat KUKUM dan Video 'Walk Through' Kampus Tetap KUKUM. Selepas perbentangan, En. Zol Bahri telah membuka sesi soal jawab kepada peserta dan para peserta sangat aktif menanyakan soalan berkaitan KUKUM dan peluang pelajar sekolah mereka untuk melanjutkan pengajian ke KUKUM. Tidak ketinggalan, para peserta juga dibekalkan dengan beberapa set brosur am dan brosur pusat pengajian KUKUM untuk simpanan bilik kaunseling di sekolah masing-masing.

Secara keseluruhannya, kedua-dua program ini telah mencapai sasarannya dan program ini akan terus dianjurkan di semua negeri dari semasa ke semasa demi untuk memperkenalkan KUKUM ke seluruh negara.

